

*Jurnal Pembangunan Sosial Jilid 17 (Jun) 2014: 1–20*

## **Refleksi Sosial: Sorotan terhadap Metodologi Penetapan Hukum Islam**

*(Social Reflection: Highlight on Islamic  
Jurisprudence Methodology)*

MOHD AKRAM DATO' DAHAMAN@DAHLAN  
Pusat Pengajian Umum, Universiti Utara Malaysia  
E-mel: [akram@uum.edu.my](mailto:akram@uum.edu.my)

NOOR NAEMAH ABDUL RAHMAN  
Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

### **Abstrak**

*Secara semulajadi manusia tidak akan lepas lari daripada unsur perubahan dan perbezaan. Perubahan dan perbezaan di dalam kehidupan manusia merangkumi segenap aspek sama ada melibatkan geografi, demografi, politik, ekonomi, perundangan dan juga budaya. Islam melihat hakikat perbezaan dan perubahan yang berlaku membabitkan kehidupan manusia ini sebagai sesuatu yang penting terutama apabila membabitkan persoalan aplikasi ajaran-ajaran Islam oleh pengaruhnya. Artikel ini bertujuan meneliti metodologi penetapan hukum Islam yang telah diambil di dalam memberi jawapan kepada sesuatu isu hukum dan menghubungkan perbezaan dalam kehidupan sosial manusia dengan pengambilkiraannya terhadap perubahan dan perbezaan hukum. Metod kajian kualitatif yang berbentuk kajian sejarah digunakan dengan memberi penumpuan kepada analisis terhadap kaedah penetapan hukum Islam di sepanjang sejarah hukum Islam melalui zaman Nabi Muhammad SAW, sahabat, tabiin, imam mujtahidin dan zaman kini. Hasilnya, dilihat bahawa kaedah penetapan hukum Islam telah berinteraksi dengan baik terhadap perubahan dan perbezaan hidup manusia bagi memberi jawapan kepada permasalahan yang berlaku. Kajian ini akhirnya dapat menjelaskan kewujudan refleksi sosial dan hubungan timbal balik antara urusan keagamaan dan kehidupan masyarakat manusia di dalam metode penetapan hukum Islam seterusnya membuktikan bahawa Islam melalui hukum-hukumnya tidak rigid dan statik, malah sesuai diperaktikkan merentasi masa, tempat dan keadaan masyarakat manusia.*

**Kata Kunci:** Perubahan dan perbezaan, metodologi penetapan hukum Islam, refleksi sosial, sejarah hukum Islam.

### Abstract

*Humans cannot escape the elements of change and difference. Change and difference in human lives include all aspects of geography, demography, politics, economy, laws and cultures. Islam sees the reality of change and difference in human lives as an important aspect when involving with the issue of applying the teachings of Islam among its believers. The objectives of this article are to review Islamic jurisprudence methodology, which was taken in responding to the issues of Islamic jurisprudence and to link differences in human social life with the consideration of changes and differences of Islamic law. The qualitative research method in the historical research was used with the emphasis on the analysis of the Islamic jurisprudence along the history during the era the Prophet Muhammad (peace be upon him), the companions, tabiin, imams of mujtahidin and the present era. The result shows that the methodology of Islamic jurisprudence interacts well with changes and differences in human life as the answers to all problems occurred. Finally this research was carried out to explain the existence of social reflection between religious duty and society life in the Islamic jurisprudence methodology, which further proved Islam through its laws, is not rigid and static, and even suitable to be practised across time, place and conditions of human society.*

**Keywords:** Change and difference, Islamic jurisprudence methodology, Social reflection, history of Islamic jurisprudence.

### Pengenalan

Perubahan dan perbezaan secara umum merupakan satu hukum alam yang tidak disangkal oleh sesiapapun sama ada dari kalangan ilmuan mahupun masyarakat manusia biasa. Hukum alam ini berlaku pada setiap aspek kehidupan tanpa terkecuali. Manusia berubah dan berbeza, zaman berubah dan berbeza, keadaan pun berubah dan berbeza, sesuatu tempat juga berubah dan berbeza. Seorang ahli falsafah greek bernama Heraclitus telah mengungkapkan satu ungkapan iaitu “*Panta Rhei*” yang bermaksud “*everything is in a state of flux*”. Perubahan dan perbezaan tidak akan sekali-kali berhenti atau tiada melainkan pemilik Allah SWT mengkehendakinya. Ini kerana semua perubahan dan perbezaan adalah makhluk sedangkan Allah itu *Khalik*. Makhluk itu bersifat sentiasa berubah dan berbeza manakala Allah yang Maha Pencipta adalah bersifat serba tetap (Sidi Gazalba, 1983).

Semua bentuk perubahan dan perbezaan ini ada pengaruh pada kehidupan manusia. Perangai manusia yang berubah dan berbeza sama ada daripada jahat kepada baik atau sebaliknya boleh mempengaruhi orang-orang di sekeliling. Pengaruh masa memberi kesan yang cukup jelas kepada perubahan dan perbezaan kehidupan manusia. Dahulu manusia hidup dengan

gaya hidup yang cukup *simple* (Ismail Ishak, 2008), kemudian berganjak dan berubah kepada kehidupan yang kompleks dan akan menjadi semakin kompleks sehingga dunia ini dikatakan berada di hujung jari manusia. Perubahan dan perbezaan pada kehidupan manusia akan menyebabkan tempat dan persekitaran sekeliling turut mengalami perubahan dan perbezaan, daripada tempat yang tiada kelengkapan yang cukup kepada prasarana yang semakin bertambah baik dan sangat canggih. Semua bentuk perubahan dan perbezaan ini mempunyai pengaruh kepada kehidupan manusia sama ada secara langsung ataupun tidak, merangkumi segenap aspek sama ada melibatkan geografi, demografi, politik, ekonomi, perundangan dan juga budaya (al-Qaradawi, 1988).

### Refleksi Sosial dan Hukum Islam

Ibn Khaldun (1993) di dalam *al-Muqaddimah* ada menyatakan berkenaan fenomena perubahan dan perbezaan kehidupan sosial manusia;

*“Sesungguhnya keadaan dunia dan umatnya serta adat istiadat dan amalan tradisi mereka tidak akan kekal dalam satu bentuk dan satu gelombang. Bahkan ianya turut berubah mengikut perubahan masa dan keadaan sama ada pada individu manusia sendiri ataupun tempat tinggal mereka. Begitulah realiti perubahan yang akan berlaku pada semua masa dan tempat”*

Kenyataan ini telah menjelaskan hakikat kehidupan manusia di atas muka bumi yang tidak akan sunyi daripada perubahan dan perbezaan. Perubahan dan perbezaan tersebut berlaku disebabkan beberapa faktor sosial yang mengelilingi kehidupan manusia seperti zaman, keadaan, tempat dan lain-lain.

Hakikat ini sebenarnya telah diperkatakan oleh Ibn al-Qayyim (1996) ketika beliau mengemukakan teori perubahan dan perbezaan hukum Islam untuk mengaplikasikan hukum syarak di dalam keadaan kehidupan masyarakat manusia yang mengalami perubahan dan perbezaan. Teori beliau “*Perubahan fatwa dan perbezaannya berdasarkan perubahan zaman, tempat, keadaan, niat dan adat*” telah mengemukakan beberapa perkara yang boleh menyebabkan perubahan dan perbezaan boleh berlaku terhadap aplikasi hukum Islam. Semua ini melibatkan perkara-perkara yang berinteraksi dengan kehidupan masyarakat manusia seperti masa, tempat, keadaan dan budaya (Shaham, 1995).

Menurut Suha Salim Mikdash (2007), perubahan dan perbezaan zaman yang melibatkan perubahan dan perbezaan pada gaya hidup manusia dalam banyak aspek telah mengundang bentuk dan gaya aplikasi hukum syarak yang berbeza dengan sebelumnya. Sebagai contoh, kemajuan dalam bidang

aplikasi ilmu sains dan teknologi berbanding dengan zaman-zaman sebelum ini juga telah menyaksikan perubahan dan perbezaan berlaku pada penetapan hukum. Penetapan aplikasi hukum syarak lama yang dikeluarkan pada zaman terdahulu tidak memungkinkan untuk digunakan kerana sudah tidak lagi relevan dengan zaman sekarang (Erdogan, 1994).

Tempat yang merujuk kepada kawasan, daerah, kampung dan negeri tertentu adalah antara bentuk perubahan dan perbezaan yang wujud di dalam kehidupan sosial manusia. Perbezaan bentuk geografi sesuatu tempat telah mempengaruhi penetapan sesuatu aplikasi hukum Islam (Asnaynah, 1998). Ruang lingkup geografi meliputi perkara bersangkutan bentuk pemukaan bumi, iklim, tanah, tumbuh-tumbuhan dan gerak balas manusia terhadapnya. Bentuk geografi yang berbeza bersama-sama gerak balas manusia terhadapnya telah mempengaruhi gaya dan cara hidup serta nilai setempat (Basli & Wardi, 1981). Cara berfikir, cara pemakaian, cara pemakanan, bentuk pengangkutan, sistem nilai dan segala macam yang berkaitan kehidupan pasti berbeza mengikut suasana dan bentuk persekitaran geografi yang ada (DeFleur, 1971). Orang di hutan tropika membina rumah daripada pokok kayu berlainan dengan masyarakat Eskimo di kutub utara yang membina *Igloo* sebagai tempat perlindungan mereka dengan ketulan ais. Begitu juga dengan iklim yang berbeza antara tempat sejuk dan panas serta tempoh masa malam dan siang. Oleh itu Mehmet Erdogan (1994) ada membuat saranan berkaitan perkara geografi ini:

*“Sepatutnya sebarang penetapan hukum-hukum syarak perlu bersesuaian dengan hal sesebuah negara dari sudut demografi dan geografi, berkaitan bukit-bukit dan sawah ladang, cuaca sejuk dan panas, hasil tanaman, industri, ekonomi dan kedudukan penduduk”*

Pengaruh perubahan dan perbezaan keadaan dan realiti juga berperanan terhadap sebarang penetapan hukum di dalam Islam (al-Asyqar, 2004). Perkara ini melibatkan perihal keadaan individu, masyarakat, institusi dan negara. Menurut Ahmad Amin (t.t), suasana dan keadaan kehidupan yang *simple* akan melahirkan penetapan hukum yang sedikit dan senang berbanding suasana dan keadaan kehidupan yang *complicated* memerlukan aplikasi hukum yang sesuai dengan suasana itu.

Penggunaan kaedah fiqh “*al-‘Adah Muakkamah*” iaitu “*Adat Diambilkira Dalam Penetapan Hukum*” sebagai salah satu daripada lima kaedah besar di dalam Islam telah menunjukkan peranan dan pengaruh adat setempat masyarakat manusia terhadap sesuatu penetapan aplikasi hukum Islam. Adat dan uruf ialah sesuatu perkara yang sudah menjadi kebiasaan masyarakat, berjalan di dalam kegiatan kehidupan mereka sama ada berbentuk

kata-kata ataupun perbuatan seterusnya akan membabitkan budaya setempat, kebiasaan setempat dan nilai-nilai setempat (Zaydan, 1996).

Berdasarkan penjelasan yang dinyatakan, telah menunjukkan bahawa perubahan dan perbezaan zaman, tempat, keadaan dan adat yang berlaku di dalam kehidupan sosial manusia sangat berpengaruh dalam mendesak perubahan dan perbezaan pada penetapan hukum Islam. Permasalahan masyarakat manusia selalu berkembang dan berubah seiring dengan perkembangan dan perubahan masyarakat itu sendiri. Dengan demikian, hukum Islam secara automatik akan selalu berkembang dan berubah selaras dengan perkembangan dan perubahan waktu dan ruang yang melingkupinya (Fazlur Rahman, 1987).

### **Refleksi Sosial dan Agama dalam Kes-kes Penetapan Hukum Islam**

Kehidupan sosial manusia sentiasa berdepan dengan bentuk-bentuk perubahan dan perbezaan membabitkan masa, tempat, keadaan dan adat. Perubahan dan perbezaan ini mempunyai pengaruh dan memberi kesan kepada kehidupan manusia. Sebagaimana Islam itu datang sebagai membawa rahmat kepada keseluruhan alam dan isi kandungannya, perkara-perkara membabitkan perubahan dan perbezaan kehidupan sosial manusia dihadapi dengan penuh *deliberated, rasional* dan secara sedar tanpa ada sikap acuh tak acuh (Mujiyono Abdillah, 2003).

Menyelusuri sejarah hukum Islam selama lebih daripada 1400 tahun melibatkan beberapa peringkat dan era akan memperjelaskan lagi hakikat sebenar hubungan timbal balik Islam sebagai anutan dengan kehidupan masyarakat manusia. Banyak kaedah, metod dan pendekatan yang digunakan melibatkan pelbagai kes-kes di dalam mengaplikasikan hukum Islam mengambil kira hubungan timbal balik ini bagi membolehkan aplikasi hukum itu dapat dilakukan oleh masyarakat Islam merentasi zaman, tempat dan keadaan.

#### **a) Zaman Rasulullah SAW**

Hubungan timbal balik antara isi ajaran Islam dengan realiti kehidupan masyarakat Islam jelas kelihatan seawal zaman Rasulullah SAW lagi. Yusuf al-Qaradawi (t.t) ada menjelaskan bahawa pengambilkiraan dan pengaruh perubahan kehidupan sosial masyarakat Islam terhadap penetapan hukum Islam telah berlaku seiring dengan penurunan wahyu.

Beberapa metod penetapan hukum di dalam syariat Islam melibatkan dua sumber penting iaitu al-Quran dan al-Sunnah sangat mengambil kira realiti masyarakat ketika itu. Metode-metode tersebut ialah *al-Naskh, al-Tadarruj*

dan pendekatan al-Quran “*pendekatan apa-apa yang tidak mungkin berubah dan mengijmalkan apa-apa yang berkemungkinan mengalami perubahan*”.

### i. *al-Nasakh*

Proses *naskh* yang melibatkan pembatalan atau pindaan hukum terdahulu dengan kewujudan hukum kemudian (Wahbah al-Zuhayli, 1986) berlaku disebabkan ada perubahan dan perbezaan pada tujuan sesuatu pensyariatan (Abdul Karim Zaydan, 1996). Apabila tujuan pensyariatan itu tidak lagi sesuai, perubahan hukum perlu dilakukan untuk memastikan kemaslahatan manusia itu dapat direalisasikan (Mustafa Shalabi, 1985). Kes larangan menziarahi kubur adalah antara contoh yang jelas menunjukkan pengaruh perubahan dan perbezaan kehidupan masyarakat Islam. Rasul SAW bersabda memaklumkan tentang pemansuhan larangan tersebut; “*Suatu ketika dahulu, aku pernah melarang kamu semua daripada menziarahi kubur, sesungguhnya telahpun diberi keizinan kepada Muhammad untuk menziarahi kubur ibunya, ziarahilah kubur kerana dengan kamu menziarahinya akan mengingatkan kamu pada akhirat*” (al-Tirmidhi, 1996: No.1054).

Melihat kepada contoh pindaan hukum syarak ini serta kes-kes yang melibatkan proses *al-Nasakh*, Muhammad Mustafa Shalabi (1995) memberi komentarnya dengan menyatakan bahawa: “*Hukum syarak yang awal sebelum dipindah adalah sesuai dengan keadaan masyarakat ketika itu dan apabila keadaan itu berubah, Allah SWT menurunkan hukum yang baru sebagai ganti supaya mampu dan dapat merealisasikan maksud dan tujuan pensyariatan*”. Beliau menambah lagi dengan katanya: “*Kalaularah sekiranya bukan begitu keadaan mereka pada awalnya, tentulah Allah SWT telah meletakkan hukum nasikh itu dari awal lagi*”. Pembatalan atau pindaan ini juga bertujuan untuk memastikan sesuatu hukum itu dapat dilaksanakan dengan lebih baik agar mendatangkan lebih kebaikan kepada persekitaran dan keadaan baru yang wujud (Noor Naemah, 1995).

Perkara ini lebih jelas apabila disemak sejarah latar belakang kes ini. Masyarakat Arab Jahiliyyah ketika sebelum kedatangan Islam menyembah patung dan berhala, malah masyarakat Yahudi yang tinggal bersama mereka telah menjadikan kubur para nabi sebagai tempat ibadat. Rasul SAW bersabda: “*Allah membunuh (melaknat) orang-orang Yahudi, mereka menjadikan kubur-kubur para nabi sebagai tempat ibadat*” (al-Shawkani, 1995: No. 1481).

Larangan yang dibuat Rasulullah SAW ketika para sahabat masih baru memeluk Islam, akidah mereka masih nipis serta tidak kuat (Mustafa Shalabi, 1985). al-Shawkani (1995) memaklumkan bahawa: “...sebahagian daripada mereka mendakwa bahawa pengharaman menziarahi kubur adalah disebabkan zaman tersebut masih dekat dengan zaman penyembahan berhala”. Namun

begitu, apabila akidah para sahabat sudah berubah menjadi mantap dan segala bentuk berhala telah dimusnahkan, perbuatan menziarahi kubur dibenarkan kembali malah mendapat galakan di sisi syarak (al-Tirmidhi, 1996: No.1054). Berdasarkan laporan kes ini beserta ulasannya, dapat difahami bahawa nilai pegangan akidah yang berbeza dan berubah daripada lemah kepada mantap dalam kalangan masyarakat Islam di kedua-dua tempoh masa telah diambilkira.



### **ii. *al-Tadarruj***

Hal bersangkutan perkara ini juga dapat dilihat pada kaedah *al-Tadarruj* yang menjadi antara asas utama proses pensyariatan ketika itu (Muhammad al-Zuhayli, 2000). Proses pensyariatan terhadap al-Quran dan al-Sunnah yang berlaku secara beransur-ansur ini menjelaskan bahawa syarak begitu mengambil berat tentang suasana dan keadaan masyarakat manusia yang tidak sama, berbeza-beza dan berubah. Contoh jelas dalam hal ini ialah proses pengharaman arak. Allah SWT telah menurunkan tiga ayat berbeza iaitu ayat 67 surah al-Nahl, ayat 219 surah al-Baqarah dan ayat 43 surah al-Nisa' sebelum arak itu diputuskan haram iaitu ayat 90-91 di dalam surah al-Ma'idah. Perkara ini dijelaskan oleh 'A'ishah RA: "Kalaulah di peringkat awal Islam telah diharamkan arak dan zina nescaya umat Islam pada waktu itu mengambil sikap untuk meneruskan amalan meminum arak dan berzina yang telah sebatی dalam kehidupan mereka" (al-Bukhari, 1997: No. 4993). Prinsip ini juga dapat dilihat dengan jelas dalam kes-kes lain seperti pensyariatan solat, azan, puasa, dan zakat (al-Ashqar, 1991). Muhammad Mustafa al-Zuhayli (2000) menyatakan bahawa prinsip *al-Tadarruj* perlu demi untuk merealisasikan kemaslahatan manusia yang secara fitrahnya berbeza dan berubah dalam banyak perkara.

### **iii. Metod "*Tafsil ma la yataghayyar wa ijmal ma yataghayyar*"**

Seperkara lagi ialah berkaitan metod "*Tafsil ma la yataghayyar wa ijmal ma yataghayyar*" iaitu "*pendekilan apa-apa yang tidak mungkin berubah dan mengijmalkan apa-apa yang berkemungkinan mengalami perubahan*" yang wujud ketika era penurunan wahyu sebagai asas pensyariatan aplikasi hukum Islam (Ismail Kuksal, 2000). Metod ini jelas dapat dilihat daripada nisbah peratusan ayat-ayat hukum di dalam al-Quran.

Harun Nasution (1974) mencatatkan hanya lebih kurang 368 potong ayat sahaja yang menyentuh aspek hukum mewakili 5.8 % berbanding keseluruhan bilangan ayat al-Quran ialah 6360 potong ayat (al-Ibrahim, 1996). Peratusan yang kecil ini jelas menunjukkan bahawa al-Quran meletakkan kaedah-kaedah umum dalam aspek hukum syarak. Ini bagi membolehkan hukum syarak dapat dilaksanakan dalam keadaan yang berbeza dan berubah.



Metod yang sama juga dapat dilihat dalam pembahagian kalangan ayat-ayat hukum. Mehmet Erdogan (1994) menyatakan bahawa ayat-ayat hukum melibatkan ibadah berada dalam keadaan mufassalah iaitu penerangan secara terperinci manakala ayat-ayat yang melibatkan hukum muamalat berada dalam keadaan mujizah iaitu umum dan ijmal. Pembahagian ini menunjukkan sifat tetap hukum ibadah yang bersifat ta‘abbudi dan sifat berubah hukum muamalat mengikut perubahan tempat, keadaan, masa dan adat (Khallaf, 1993).

Begitu juga dengan kes menyimpan daging korban. Rasulullah SAW telah mengarahkan para sahabat RA menyimpan daging yang dikorbankan sempena ‘Ayd al-Adha hanya untuk setakat tiga hari sahaja dan disedekah semua yang berbaki daripada daging selepas itu (Abu Dawud, 1996: No. 2812), sedangkan di tahun sebelum para sahabat bebas menikmati daging korban itu malah ada yang menyimpannya sekian lama. ‘Aishah melihat para sahabat RA semacam tidak lagi mengikut sepertimana yang diarahkan oleh Rasul SAW lantas bertanya kepada baginda. Baginda SAW langsung menjawab: “Sesungguhnya laranganku itu dikernakan oleh al-Dafah (pengembara). Oleh itu makanlah, tambalah bekalan kamu dan bersedekahlah” (al-Nasa’i, 1996: No. 4431).

Perubahan fatwa telah berlaku di dalam kes ini daripada keharusan menyimpan daging korban kepada penegahan menyimpannya melebihi tempoh tiga hari. Perubahan keadaan dan perbezaan kondisi masyarakat Islam antara waktu pengharusan dengan waktu penegahan telah mempengaruhi keputusan dan penetapan hukum oleh Rasul SAW. Hal itu cukup jelas tercatat di dalam nas hadith tersebut.

Perbezaan di dalam penetapan hukum Islam ketika zaman Rasulullah SAW juga dapat dilihat dalam kes penulisan nas hadith. Rasulullah SAW melarang keras perbuatan tersebut dengan sabdanya: “Jangan kamu semua menulis sesuatu daripadaku (hadith) dan barangsiapa yang menulisnya selain daripada al-Quran hendaklah dia memadamkannya” (Muslim, 2006: No. 3004).

Namun begitu terdapat hadith yang menyatakan keizinan Rasulullah SAW kepada beberapa para sahabat RA untuk menulis dan mencatat hadith baginda SAW. Abu Hurayrah pernah menjelaskan bahawa antara para sahabat yang banyak meriwayatkan hadith adalah ‘Abd Allah Ibn ‘Amru: “Sesungguhnya dia menulis hadith sedangkan aku tidak” (al-Bukhari, 1997: No. 113). ‘Abd Allah Ibn ‘Amru sendiri pernah memberitahu kepada Rasulullah SAW akan perihal beliau menulis hadith-hadith tersebut, lantas baginda menyatakan: “Tulislah, sesungguhnya aku bersumpah atas diriku yang berada di dalam kekuasaanNya, tidak keluar sesuatu daripada kata-kata itu (hadith) kecuali semuanya benar” (Abu Dawud, 1996: No. 3646).

Dalam kes ini, Muhammad Abu al-Layth (2004) membuat komentar dengan berkata: “*Kedua-dua keadaan berikut iaitu keizinan dan larangan, tidak akan berlaku kecuali atas sebab keadaan yang berbeza...*”.

### b) Zaman Para Sahabat RA

Kewafatan Rasulullah SAW telah meletakkan para sahabat sebagai individu-individu yang paling arif tentang hukum syarak dan Islam secara keseluruhan. Mereka menjadi tempat rujuk bagi orang Islam dalam segenap permasalahan hidup, sama ada berkaitan dengan *sosiospiritual*, sosiopolitik, sosioekonomi mahupun sosiobudaya.

Di sepanjang zaman ini telah berlaku percampuran tamadun, perubahan adat dan corak hidup lantas melahirkan pelbagai permasalahan baru yang sebelum ini tidak ada di Makkah dan Madinah. Semua ini memerlukan daya usaha baru untuk menyelesaikan semua permasalahan ini sama ada berpandukan penyelesaian yang sudah termaktub di dalam al-Quran dan al-Sunnah mahupun mengerah tenaga melakukan ijihad berdasarkan panduan dan pedoman yang telah diperlihatkan oleh Rasulullah SAW sepanjang tempoh *suhbah* mereka dengan baginda SAW. Antara contoh yang jelas menunjukkan perkara ini berlaku ketika zaman para sahabat RA ialah masalah talak tiga dengan sekali lafaz yang cukup popular di kalangan para sarjana muslim. Diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbas:

*“Bahawa talak tiga pada masa Rasulullah, Abu Bakar dan dua tahun daripada masa khalifah ‘Umar, dianggap satu kali talak. Maka ‘Umar al-Khattab mengatakan: Masyarakat terlalu gelojo dan cuai dalam sesuatu perkara (talak) yang mana mereka dahulunya berbuat demikian dengan hati-hati. Oleh itu kalau talak tiga itu kita tetapkan sahaja hukumnya (menjadi tiga agar mereka tidak gelojo). Maka ‘Umar menetapkan hukum tersebut bagi mereka”*

(Muslim, 2006: No. 1472)

Perubahan fatwa telah berlaku dalam hal ini melibatkan ketetapan hukum yang telah dibuat oleh Rasulullah SAW dengan penetapan aplikasi hukum Islam yang dikeluarkan oleh ‘Umar al-Khattab RA. Asalnya talak tiga dengan sekali lafaz dihukum talak satu. Hukum ini telah berubah ketika zaman pemerintahan ‘Umar al-Khattab, beliau mengeluarkan fatwa talak tiga bagi suami yang menceraikan isterinya talak tiga dengan sekali lafaz (Ibn Qayyim, t.t). Perubahan keadaan kehidupan masyarakat Islam yang berbeza telah mendorong fatwa baru dikeluarkan oleh ‘Umar al-Khattab (Muhammad Firdaus, 2002).

Permasalahan berkaitan zakat kuda juga antara contoh yang terbabit dengan isu perubahan fatwa di zaman para sahabat. Rasulullah SAW

bersabda: “*Telah aku maafkan bagi kamu sekalian daripada mengeluarkan zakat kuda dan hamba*” (al-Nasa’i, 1996: No. 2478). Hadith ini dengan jelas menerangkan bahawa tiada zakat yang dikenakan pada kuda. Ketetapan ini berlangsung sehingga sampai ke zaman pemerintahan ‘Umar al-Khattab selepas kes pembelian seekor kuda betina dengan harga menyamai seratus ekor unta. Menurut Firdaus Nurul Huda (2002), kondisi realiti ekonomi di dalam kehidupan masyarakat Islam yang sudah berubah dan berbeza telah menyebabkan penetapan hukum yang dibuat oleh Rasul SAW memerlukan pertimbangan hukum yang baru. Bagi al-Qaradawi (1995), pemeliharaan kuda pada zaman Rasul SAW digalakkan dengan tujuan berjihad dan peperangan. Namun begitu, ketika zaman ‘Umar, kuda sudah mempunyai nilai ekonomi yang tinggi sehingga melebihi penternakan unta, lembu dan kambing. Kejadian tersebut menyebabkan ‘Umar RA tidak lagi teragak-agak untuk mengeluarkan fatwa dan ketetapan baru berbeza dengan amalan sebelumnya (Yamamah, 2005).

Beberapa kes perubahan fatwa dalam hukum syarak juga berlaku di zaman khalifah ketiga ‘Usman al-‘Affan. Antara yang masyhur ialah kes azan kedua ketika solat Jumaat dan kes unta sesat. Bagi kes azan kedua pada waktu Jumaat, Imam al-Bukhari (1997) telah mencatat peristiwa tersebut:

*“Pada hari Jumaat mula-mula azan dilakukan pada saat imam telah duduk di atas mimbar. Hal ini berlaku pada masa Nabi , Abu Bakar dan ‘Umar RA. Akan tetapi pada masa ‘Uthman RA penduduk bertambah ramai, maka beliau menambah azan ketiga (bersama Iqamat)....”*

Jelas di dalam matan hadith ini menunjukkan pengaruh perubahan masa dan kedudukan populasi masyarakat Islam yang sudah berbeza telah menyebabkan ‘Usman al-‘Affan mewujudkan azan kedua pada waktu Jumaat.

Manakala bagi kes unta yang sesat tanpa tuan pula, ketika di zaman Rasulullah SAW, baginda ditanya tentang permasalahan ini, Rasul SAW memberi penetapan bahawa unta tersebut wajib dibiarkan begitu sahaja sehingga ditemui pemiliknya. Penetapan hukum tersebut telah berubah ketika pemerintahan ‘Uthman al-‘Affan. Beliau menetapkan bahawa semua unta yang sesat tersebut perlu ditangkap dan diisyithar kemudian dijual, hasil jualan itu akan diberikan kepada tuan pemilik unta tersebut setelah dia datang menuntut (al-Baji, 1999). Perubahan dan perbezaan pada penetapan fatwa yang berlaku di dalam kes ini adalah dipengaruhi oleh perubahan dan perbezaan kedudukan kehidupan sosial masyarakat ketika itu. Realiti dan keadaan nilai-nilai yang wujud di dalam kehidupan masyarakat telah mula merosot (Muhammad Firdaus, 2002). Oleh itu, bagi memastikan harta benda rakyat dilindungi, satu penetapan baru adalah amat perlu dibuat, dan perkara itu adalah berbeza dengan penetapan terdahulu.

Semua kes ini menunjukkan bahawa perubahan dan perbezaan yang berlaku terhadap kehidupan masyarakat Islam telah berpengaruh sehingga memerlukan satu penetapan hukum baru yang berbeza dengan penetapan lama.

### c) Zaman Tabiin

Di zaman ini, jajahan dan wilayah Islam sudah semakin luas, bukan sahaja tertumpu di Semenanjung Tanah Arab semata-mata tetapi menjangkaui kawasan-kawasan *al-A'jam* sekaligus memperlihatkan peristiwa dan permasalahan baru. Segala bentuk masalah baru ini telah mendorong kepada keperluan aplikasi hukum Islam baru yang berbeza berbanding zaman sebelumnya malah mungkin berubah mengikut tempat dan keadaan masing-masing ketika zaman ini. Zaman yang dikira sebagai tapak mula kewujudan mazhab-mazhab fiqh telah menunjukkan contoh yang cukup jelas berhubung isu perubahan fatwa disebabkan beberapa bentuk pengaruh perubahan antaranya zaman, tempat, keadaan dan adat.

Antara contohnya ialah kes ‘Umar Ibn ‘Abd al-‘Aziz yang telah mengeluarkan fatwa yang berbeza di dalam kes pembayaran fitrah. Rasulullah SAW ketika hayatnya telah menentukan kadar yang wajib dibayar bagi zakat fitrah:

*“Bahawa Rasulullah SAW telah menentukan kadar yang wajib dibayar dalam zakat fitrah satu gantang kurma atau satu gantang bijirin al-sha‘ir, bagi semua orang merdeka, hamba, lelaki atau wanita daripada kalangan umat Islam”*

(*al-Bukhari*, 1997: No.1503)

Namun begitu, ‘Umar telah membolehkan pembayaran zakat fitrah dengan nilai mata wang selain bentuk dan cara yang sedia ada. Diriwayatkan daripada Waki‘ daripada Qurrah:

*“Surat keputusan ‘Umar Ibn ‘Abd al-‘Aziz mengenai zakat fitrah datang kepada kami. Di dalam surat itu diputuskan: Kadar bayarah zakat fitrah setengah gantang setiap satu orang atau harga setengah gantang iaitu setengah dirham”*

(*Ibn Abu Shaybah*, 2004: No. 10463)

Perkara ini berlaku akibat daripada perubahan zaman dan perbezaan keadaan ketika era pemerintahannya dengan era Rasulullah SAW. Realiti kehidupan masyarakat Islam telah mengalami perubahan dan berbeza di antara dua zaman ini. al-Sarakhsy (t.t) telah menyatakan bahawa masyarakat Islam ketika zaman Rasul melakukan transaksi jual beli dengan menggunakan sistem

*barter*, berbeza dengan amalan jual beli semasa yang menggunakan mata wang. Jelas sekali pengaruh yang dimainkan oleh perubahan dan perbezaan masa dan keadaan pada sesuatu penetapan fatwa di dalam kes ini.

Selain itu juga, hal yang sama dapat dilihat dalam kes penetapan harga oleh pihak kerajaan dan pemerintah. Asasnya, penetapan harga adalah satu perkara yang tidak boleh dilakukan oleh mana-mana pihak termasuk kerajaan sebagai pemerintah negara. Penetapan ini jelas di dalam hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Masyarakat mengadu: Wahai Rasulullah, harga (barang) telah naik, maka tetapkanlah harga bagi kami. Maka Rasulullah SAW menjawab: Sesungguhnya Allah itu adalah maha menetapkan harga, yang menahan dan memperluaskan rezeki. Sesungguhnya aku berharap dapat menemui Allah dan tidak seorang pun di antara kamu sekalian menuntut aku dengan tanggungan (kezaliman) mengenai darah dan harta”*

(Abu Dawud, 1996: No. 2451)

Namun begitu ketika zaman tabiin, terdapat ramai di kalangan ulama besar tabiin mengharuskan penetapan harga antaranya Sa‘id Ibn al-Musayyib, Rabi‘ah Ibn ‘Abd al-Rahman dan Yahya Ibn Sa‘id al-Ansari (al-Baji, 1999). Bagi mereka, pengharusan penetapan harga oleh pemerintah adalah sangat perlu bagi memberi keadilan kepada semua pihak, peniaga dan pengguna. Penetapan harga dilarang di zaman Nabi SAW kerana kenaikan harga barang yang berlaku adalah berbentuk pergerakan dan kenaikan semulajadi. Akan tetapi, apabila kenaikan harga itu disebabkan oleh faktor-faktor kezaliman pasaran sehingga menindas pengguna, penetapan harga perlu dilakukan (Muhammad Firdaus, 2002). Perubahan dan perbezaan masa memperlihatkan kedudukan ekonomi masyarakat Islam sudah berubah dan berbeza. Keadaan dan realiti ekonomi yang wujud ketika zaman Rasul SAW sudah berubah dan berbeza pada zaman para tabiin.

#### d) Zaman Imam-Imam Mujtahidin

Zaman ini dianggap sebagai zaman emas buat perkembangan ilmu syarak serta aktiviti fatwa seperti yang dicatatkan oleh ramai pengkaji sejarah hukum Islam. Antara sebabnya ialah perkembangan tanah pemerintahan daulah Islam yang meliputi negara China di timur memanjang sehingga ke Andalus di barat. Selain itu juga didapati bahawa masyarakat muslim ketika ini sangat menitikberatkan implementasi hukum syarak dalam semua kegiatan kehidupan mereka lantas melahirkan ramai para mujtahid dan mufti mengimbangi hal demikian. Perkembangan-perkembangan ini sekaligus merancakkan lagi usaha ijtihad dan fatwa disebabkan wujud pelbagai masalah-masalah baru yang tidak pernah ada sebelum ini.

Antara contoh yang boleh dilihat seperti masalah pemberian zakat kepada Bani Hashim. Di dalam masalah ini, Imam Abu Hanifah telah mengeluarkan fatwa baru berbeza dengan sebelumnya. Perubahan dan perbezaan keadaan kehidupan masyarakat Islam di kedua-dua zaman telah menyebabkan beliau mengemukakan pandangannya yang berbeza dengan penetapan fatwa terdahulu. Di dalam kes pemberian zakat kepada Bani Hashim, pada asasnya mereka tidak boleh menerima zakat berdasarkan sabda baginda SAW: “*Kami, keluarga Muhammad tidak makan daripada zakat*” (al-Tahawi, 1994: No. 2982). Namun begitu, Imam Abu Hanifah telah menfatwakan keharusan Bani Hashim menerima zakat. Beliau berkata:

*“Seluruh jenis zakat tidak mengapa diberikan kepada Bani Hashim. Hal itu dalam pandangan kami, adalah kerana zakat pada masa itu diharamkan bagi mereka disebabkan mereka telah mendapat haknya daripada al-khumus, iaitu daripada bahagian agihan golongan dhawi al-qurba, keluarga Rasulullah SAW. Oleh itu, apabila agihan ini terputus malah agihan itu diperuntukkan bagi selain mereka, maka apa-apa yang pada mulanya diharamkan itu menjadi halal, sebagai pengganti daripada apa-apa yang dihalalkan kepada mereka dahulu”*

(al-Tahawi, 1994: No. 2982).

Perbahasan dalaman di dalam mazhab-mazhab juga tidak terlepas daripada unsur perubahan fatwa dan hukum syarak. Perubahan dan perbezaan fatwa ini telah memperlihatkan pengaruh yang dimainkan oleh perubahan dan perbezaan kehidupan sosial masyarakat Islam yang berbeza masa, tempat, keadaan dan adat. Contohnya di dalam mazhab *al-Ahnaf*, ketika hayat Abu Hanifah beliau menerima persaksian daripada saksi yang tidak dikenali “*Shahadah Mastur al-Hal*”, sekadar memadai dengan sifat zahir yang menunjukkan keadilan seseorang. Namun begitu, ketika zaman *Sahibayn* -Abu Yusuf dan Muhammad Ibn al-Hasan al-Shaybani-, mereka tidak lagi menerima persaksian seperti berikut semata-mata, malah mereka menetapkan keperluan “*al-Tazkiyah*” (Ali Hasb Allah, 1982). Suha Salim Mikdash (2007) mendedahkan bahawa perubahan dan perbezaan fatwa yang berlaku adalah dipengaruhi oleh realiti dan kedudukan integriti yang berbeza di dalam kehidupan masyarakat Islam.

Dicatatkan juga di dalam mazhab Maliki berkenaan perubahan fatwa diperlukan atas sebab wujud suasana dan keadaan yang berbeza dan berubah. Diceritakan bahawa pagar rumah Imam al-Qayrawani runtuh dan dia risau akan keselamatannya daripada sebarang bahaya, lalu beliau mengambil seekor anjing untuk dijadikan sebagai penjaga dan diikat di depan rumah. Ditanya akan tindakannya terkeluar daripada fatwa yang pernah dibuat oleh Imam Malik yang menetapkan hukum makruh, beliau menjawab: “*Sekiranya beliau*

*-Imam Malik- tahu tentang keadaan di zaman kamu sekarang, nescaya beliau akan mengambil singa sebagai pengawas”* (Ahmad Zarruq, 2006). Peristiwa ini menjelaskan tentang kedudukan keadaan yang berbeza di antara dua tempoh masa telah mempengaruhi perbezaan penetapan fatwa.

Di dalam mazhab al-Shafi'i, kewujudan *qawl qadim* dan *qawl jadid* oleh penggasasnya menjelaskan lagi tentang pengaruh yang dimainkan oleh perubahan ‘urf dan adat setempat sehingga menyebabkan berlaku perubahan pendapat tentang sesuatu permasalahan hukum syarak. Adat kebiasaan dan uruf setempat yang wujud di Iraq sama sekali berbeza dengan di Mesir (Abbas Shawman, 2000). Dicatat oleh Imam al-Sayuti bahawa Imam al-Shafi'i telah mengubah kebanyakkan fatwa-fatwa *qawl qadim* sehingga berbaki empat belas masalah sahaja (al-Sayuti, 1998).

Banyak pendapat Imam al-Shafi'i yang menggambarkan pengaruh kebiasaan, budaya, suasana dan hal keadaan di Mesir yang sebelumnya tidak pernah ada. Antaranya, apabila beliau cuba memberi pandangan tentang wakaf, contoh kepada perlaksanaan wakaf dikaitkan dengan pengwakafan sebuah rumah di wilayah “*al-Fustar*” Mesir, apabila memperkatakan tentang jenis tanah yang berkaitan dengan bekas dan bejana air, beliau cuba membezakan antara jenis tanah yang ada di Hijaz dengan yang ada di Mesir dan apabila membincangkan tentang persaksian para penyair, beliau ada menggambarkan hal keadaan penyair di Mesir (Ahmad Amin, t.t). Hal ini menunjukkan bahawa suasana dan keadaan sesuatu kawasan yang berbeza dengan kawasan yang lain menjadi antara perkiraan dan diambilkira oleh beliau di dalam menetapkan sesuatu hukum syarak.

#### e) Zaman Kini

Perkembangan dan kemajuan yang berlaku di era ini amat berbeza dengan zaman-zaman yang sebelumnya. Pelbagai jenis perubahan dapat dilihat dalam segenap segi kehidupan manusia, sama ada melibatkan aktiviti sosial, ekonomi, politik dan budaya. Lahir aktiviti-aktiviti perkilangan yang mendorong bukan sahaja kaum lelaki yang melakukan pekerjaan malah melibatkan kaum hawa, seterusnya mewujudkan pelbagai permasalahan baru berkaitan kekeluargaan dan komuniti masyarakat. Aktiviti ekonomi mengalami revolusi sehingga melahirkan pelbagai jenis urusniaga baru melibatkan bukan sahaja peniaga-peniaga serantau tetapi sudah menjangkau dan melepassi benua jauh. Ilmu sains dan teknologi mula berkembang subur, taraf keilmuan dan kehidupan manusia sudah berubah bersama-sama perubahan corak dan gaya hidup insan yang semakin hari semakin canggih dan maju. Semua perubahan dan perbezaan yang berlaku ini juga turut memberi kesan kepada fatwa. Terdapat banyak sekali fatwa terdahulu yang sudah tidak dapat lagi diimplimentasi pada era globalisasi yang sentiasa berubah walaupun dalam masa yang cukup singkat (Ismail Kuksal, 2000).

Sebagai contohnya, fatwa berkaitan tempoh kehamilan. Sepanjang sejarah hukum syarak telah dicatat pelbagai fatwa ulama yang menyatakan tempoh maksimum bagi ibu mengandung antaranya satu tahun, dua tahun sehingga mencapai tempoh empat dan lima tahun (al-Zuhayli, 1985). Semua fatwa ini disandarkan atas pengalaman dan kebiasaan yang pernah berlaku ketika itu, fatwa-fatwa seperti itu juga lahir daripada pendekatan “*al-Ihtiyat*” oleh ulama bagi mensabitkan nasab seseorang bayi kepada ayahnya (Muhammad Abu Zuhrah, 1957). Namun begitu, selepas perkembangan dan kemajuan ilmu sains kedoktoran, pakar-pakar telah membuktikan bahawa tempoh maksimum kehamilan adalah satu tahun menyamai tiga ratus enam puluh lima hari, itupun bagi kes-kes terpencil.

Begitu juga dengan beberapa permasalahan melibatkan perkara-perkara yang boleh membatalkan puasa, khususnya yang berkaitan dengan kaedah perubatan. Didapati bahawa perubahan dan perbezaan fatwa telah berlaku di dalam isu-isu seperti ubat yang dititik ke dalam mata, telinga dan hidung, bahan-bahan ubatan yang disuntik ke dalam otak dan tulang belakang, begitu juga dengan pil yang diletakkan di bawah lidah bagi melegakan sakit dada. Semua permasalahan ini telah diperkatakan oleh ulama terdahulu dan mereka menghukum batal puasa disebabkan oleh kemasukan bahan-bahan tersebut ke dalam perut manusia. Hasil daripada kajian saintifik dan penemuan-penemuan baru, *Majma' al-Fiqhi al-Islami* telah memutuskan bahawa semua permasalahan terbabit adalah tidak termasuk sebagai pembatal puasa yang bahan-bahan ubatan itu masuk ke dalam perut pesakit (Suha Mikdash, 2007).

Walaupun nampak bahawa persoalan kemajuan teknologi dan ilmu sains adalah antara faktor utama yang menyebabkan perubahan fatwa di zaman kini, faktor-faktor lain juga boleh diambil sebagai contoh untuk menunjukkan perubahan fatwa. Perbezaan budaya, gaya dan corak hidup masyarakat tempatan pada dua tempat yang berbeza juga masih merupakan faktor utama perubahan fatwa. Isu harta sepencarian adalah antara contoh penglibatan perbezaan budaya tempatan sebagai antara faktor perubah dalam sesuatu hukum syarak dan fatwa yang dikeluarkan. Asasnya ialah penglibatan isteri dalam mencari rezeki menampung kehidupan keluarga selain suami. Dalam kitab-kitab fiqh klasik yang banyak dipelopori oleh ulama Arab, tidak ada perbincangan berkaitan harta sepencarian kerana dalam budaya hidup mereka hanya si suami yang bekerja. Perkara ini berlainan dengan budaya hidup masyarakat nusantara yang dilihat kedua-dua pasangan suami isteri bekerja mencari rezeki. Hal ini telah dijelaskan oleh *Shaykh Ahmad al-Fatani* sebagai sebahagian daripada cara hidup orang-orang di bawah angin iaitu nusantara (Ahmad al-Fatani, 1956).

Ini adalah antara contoh praktikal yang menunjukkan pengaruh perubahan dan perbezaan kehidupan sosial masyarakat Islam terhadap

penetapan fatwa bagi menyelesaikan permasalahan umat bermula dari zaman Rasulullah SAW, zaman para sahabat RA, zaman tabiin, zaman imam-imam mujtahidin dan akhirnya zaman ini. Daripada semua contoh ini juga mensabitkan lagi keperluan pengambilkiraan perbezaan realiti dan lokaliti di dalam sebarang usaha untuk menetapkan sesuatu fatwa (Muhammad Firdaus, 2002).

Sememangnya terlalu banyak hukum Islam yang mengalami perubahan dari satu zaman ke zaman yang lain, berbeza antara satu tempat dengan tempat yang lain, berlainan berdasarkan keadaan dan suasana serta adat setempat masing-masing. Sebilangan contoh-contoh di atas hanya merupakan wakil bagi menjelaskan hakikat sebenar pengaruh perubahan dan perbezaan yang wujud di dalam kehidupan sosial manusia yang melibatkan masa, tempat, keadaan dan masa terhadap penetapan fatwa.

### **Penutup**

Sememangnya Islam tidak pernah meninggalkan hakikat kehidupan manusia muslim mahupun *non muslim* di dalam memberi penyelesaian hukum pada segenap permasalahan yang timbul merentasi zaman, tempat, keadaan dan juga adat setempat. Perkara ini jelas sekali dapat dilihat dengan menyelusuri sejarah Islam melalui zaman Rasul SAW sehingga kini berdasarkan metode, kaedah dan pendekatan yang digunakan. Dilihat bahawa kaedah penetapan hukum Islam telah berinteraksi dengan baik terhadap perubahan dan perbezaan hidup masyarakat manusia bagi memberi jawapan kepada permasalahan yang berlaku di dalam kehidupan mereka.

Secara terang, kajian ini dilakukan adalah untuk menjelaskan kewujudan refleksi sosial dan hubungan timbal balik antara urusan keagamaan yang berkaitan dengan intipati syariat Islam dan kehidupan masyarakat manusia di dalam metode penetapan hukum Islam. Daripada dapatan ini, seterusnya dapat membuktikan bahawa Islam melalui hukum-hukumnya tidak rigid dan statik, malah sesuai diperaktikkan merentasi masa, tempat dan keadaan masyarakat manusia.

### **Rujukan**

- Abadi, Muhammad Abu al-Layth al-Khayr. (2004). *Manhajiyah al-ta‘amul ma‘a al-bu‘dayn al-zamani wa al-makani fi al-sunnah ‘inda al-muhaddithin*. Islamiyyah al-Ma‘rifah, Tahun ke-9 Bil. 37-38, 2004.  
 ‘Abbas Shawman. (2000). *Masadir al-tashri‘ al-Islami*. Kaherah: al-Dar al-Thaqafiyah.

- Abu Zuhrah, Muhammad. (1957). *al-Ahwal al-shakhsiyah*, c. 3. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Ahmad Amin. (t.t), *Duha al-Islam*. Jil. 2. Kaherah: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab.
- Allah, 'Ali Hasb. (1982), *Usul al-tashri' al-Islami*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-Andalusi, Ibn Rushd. (1996). *Bidayah al-mujtahid wa nihayah al-muqtasid*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ashqar, Usamah 'Umar Sulayman al-. (2004). *Manhaj al-ifta 'ind al-Imam Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Dirasah muqaranah*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- al-Ashqar, 'Umar Sulayman. (1991). *Tarikh al-fiqh al-Islami*, c. 3. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Asnaynah, 'Isam Muhammad Abu. (1998). *Taghayyur al-Ahkam al-fiqhiyyah bi taghayyur al-zaman wa al-makan: Ma'ayir wa dawabit: Dirasah manhajiyah li ta'sil ma'ayir wa dawabit li qa'idah taghayyur al-ahkam bi taghayyur al-azman*. (Disertasi Sarjana, Kulliyyah Ilmu Wahyu Dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia).
- al-Baji, Sulayman Ibn Khalaf. (1999). *al-Muntaqa sharh al-muwatta*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bukhari, Muhammad Ibn Isma'il Abu 'Abd Allah. (1997). *Sahih al-Bukhari*. Riyad: Dar al-Salam.
- Erdogan, Mehmet. (1994). *İslâm hukukunda ahkâmin değişmesi*, c. 2. İstanbul: Marmara Üniversitesi.
- Fatani, Ahmad Ibn Muhammad Zayn al-. (1956). *Kitab al-fatawa al-Fataniyyah*, c.2. Pattani: Pattani Press.
- Fazlur Rahman. (1987). *Metode dan alternatif neo modernisme Islam*. Taufik Adnan Amal (terj.), c. 1. Bandung: Penerbit Mizan.
- Fuad Basli & Ali Wardi. (1981). *Ibn Khaldun and Islamic thought-styles: A social perspective*. Boston: G.K. Hall & Co.
- Harun Nasution. (1974). *Islam: Ditinjau dari berbagai aspeknya*, j. 2. Jakarta: Bulan Bintang.
- Ibn Khaldun. (1993). *Muqaddimah*, c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ibrahim, Musa Ibrahim. (1996). *Buhuth manhajiyah fi 'ulum al-Qur'an al-Karim*, c. 2. Amman: Dar 'Ammar.
- Ismail Ishak. (2008). *Hubungan etnik: Konsep dan amalannya di Malaysia*, c. 1. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. (1996). *'Alam al-muwaqqi'in 'an rabb al-'alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Jawziyyah, Ibn Qayyim. (t.t). *al-Turuq al-hukmiyyah fi al-siyasah al-shariyyah*. Jeddah: Dar 'Alam al-Fawa'id.
- Khallafl, 'Abd al-Wahhab. (1993). *Masadir al-tashri' fi ma la nas fih*, c. 6. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Khallafl, 'Abd al-Wahhab. (1995). *'Ilm usul al-fiqh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.

- Kuksal, Isma'il. (2000). *Taghayyur al-ahkam fi al-shari'ah al-Islamiyyah*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- DeFleur, Melvin L. (1971), *Sociology: man in society*. Glanview: Scott, Foresman and Company.
- Mikdash, Suha Salim .(2007). *Taghayyur al-ahkam: Dirasah tatbiqiyyah li qa'idah (la yunkir taghayyur al-ahkam bi taghayyur al-qara'in wa al-azman) fi al-fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- Muhammad Firdaus Nurul Huda. (2002). *Kesan perubahan sosial terhadap hukum Islam*, c. 1. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Mujiyono Abdillah. (2003). *Dialektika hukum Islam dan perubahan sosial: Sebuah refleksi sosiologi atas pemikiran Ibn Qayyim al-Jawziyyah*. Surakarta: Muhammadiyah University Press.
- al-Nasa'i, Ahmad Ibn Shu'ayb Ibn 'Ali. (1996). *Sunan al-Nasa'i*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- al-Naysaburi, Muslim Ibn al-Hajjaj. (2006). *Sahih Muslim*. Riyad: Dar Tayyibah.
- Noor Naemah Abd.Rahman. (1995). "Pengaruh perubahan (*al-taghayyur*) dalam pembinaan hukum: Tinjauan terhadap konsep dan realiti di zaman Rasulullah s.a.w", *Jurnal Syariah*, 3(2), Julai 1995.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1988). *al-Fatwa bayn al-indibat wa al-tasayyub*. c. 1, Kaherah: Dar al-Sahwah.
- al-Qaradawi, Yusuf. (1995). *al-Sunnah masdar li al-ma'rifah wa al-hadarah*. Qatar: Markaz Dirasat al-Sunnah.
- al-Qaradawi, Yusuf. (t.t.). *Madkhal li al-dirasah al-shari'ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Shaham, Ron. (1995). Custom, Islamic law, and statutory legislation: Marriage registration and minimum age at marriage in the Egyptian Shari'a Courts. *Islamic Law and Society*, 2(3).
- al-Sajisstani, Abu Dawud Sulayman Ibn al-Ash'ath. (1996). *Sunan Abu Dawud*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif.
- al-Sarakhsyi, Shams al-Din. (t.t.). *Kitab al-mabsut*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Sayuti, Jalal al-Din. (1998). *al-Ashbah wa al-naza'ir*, c. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Shalabi, Muhammad Mustafa. (1985). *al-Madkhal fi al-Ta'rif bi al-fiqh al-Islami*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- al-Shawkani, Muhammad Ibn 'Ali. (1995). *Nayl al-awtar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Shaybah, Ibn Abu. (2004). *al-Musannaf*. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Sidi Gazalba. (1983). *Islam dan perubahan sosiobudaya*, c. 1. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- al-Tahawi, Ahmad Ibn Muhammad. (1994). *Sharh ma'ani al-athar*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- al-Tirmidhi, Muhammad Ibn 'Isa Ibn Surah. (1996). *Sunan al-Tirmidhi*, Riyad: Maktabah al-Ma'arif.

- Yamamah, 'Abd al-Sanad Hasan. (2005). *Mawsu'ah shuruh al-muwatta'* (*al-muwatta'*, *al-tamhid*, *al-Istidhkar* & *al-Qabas*). Kaherah: T.P.
- Zarruq, Ahmad Ibn Muhammad al-Fasi. (2006). *Sharh al-'Allamah Zarruq 'ala matn al-risalah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. (1996). *al-Wajiz fi usul al-fiqh*, c. 5. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1985). *al-Fiqh al-Islami wa adillatuh*, c. 2. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Wahbah. (1986). *Usul al-fiqh al-Islami*. c. 1. Damsyik: Dar al-Fikr.
- al-Zuhayli, Muhammad Mustafa. (2000). *al-Tadarruj fi al-Tashri' wa al-tatbiq fi al-shari'ah al-Islamiyyah*, c. 1. Kuwait: Idarah al-Buhuth wa al-Dirasat.

© 2014. This work is published under  
<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/> (the “License”). Notwithstanding  
the ProQuest Terms and Conditions, you may use this content in accordance  
with the terms of the License.